



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 107 /2025

PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA (KBS)

12 DISEMBER 2025

1. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) melalui Program Sekolah Angkat MADANI (SAM KBS 2025) telah mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan kemudahan pendidikan di bawah inisiatif Kerajaan MADANI. Sekolah Angkat MADANI ini merupakan satu inisiatif yang lahir daripada aspirasi Malaysia MADANI yang berteraskan enam teras utama iaitu: Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan.
2. Bagi mencapai objektif ini, KBS telah memilih SJK(T) Ladang Chembong yang terletak di Rembau, Negeri Sembilan sebagai Sekolah Angkat MADANI. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan selaku agensi di bawah KBS telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi pelaksana bersama-sama dengan Pejabat Pendidikan Daerah Rembau, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Chembong dan Majlis Belia Daerah Rembau.
3. Projek ini merangkumi pelbagai usaha untuk menaiktaraf kemudahan di SJK(T) Ladang Chembong. Skop di bawah program ini adalah:

(i) Projek fizikal (naik taraf dan selenggara)

Menaiktaraf dan Pemulihan Pusat Sumber Sekolah (PSS) SJK(T) Ladang Chembong.

(ii) Bukan Fizikal

Majlis Peluncuran yang disertai khidmat dan aktiviti sosial belia dan sukan yang dikendalikan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Negeri Sembilan, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Chembong dan Majlis Belia Daerah Rembau.

4. Program ini berperanan sebagai pemangkin kepada masyarakat Ladang Chembong, Rembau dalam menggalakkan kesinambungan aktiviti berteraskan sukan, pendidikan, sukarelawan serta gaya hidup aktif. Pelaksanaan program ini turut menyokong aspirasi bagi memperkasa komuniti sekolah melalui pelbagai inisiatif pembangunan yang relevan dan mampan berteraskan nilai MADANI.
5. Program ini dapat mewujudkan kerjasama erat antara agensi kerajaan dan institusi pendidikan dalam memperkasakan pembangunan sahsiah murid serta menjadi hab komuniti pendidikan luar bandar. Ia juga turut menjadi pemangkin kepada usaha meningkatkan kualiti hidup dan pendidikan, selaras dengan agenda MADANI negara yang mengutamakan pembangunan holistik dan kesejahteraan rakyat.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

